

WARISAN BUSANA KIMARAGANG: KAJIAN AWAL TERHADAP SABUNG SINUDAAN HERITAGE OF KIMARAGANG ATTIRE: PRELIMINARY STUDY ON SABUNG SINUDAAN

NORDIANA N. MOLINKA

*Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA
E-mail: nordiananmolinka@ums.com.my*

*Tarikh dihantar: 30 Disember 2024 \ Tarikh disemak: 21 Februari 2025 \ Tarikh diterima: 24 Mei 2025 \ Tarikh
diterbit: 31 Disember 2025*

DOI: <https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v31i1.7119>

ABSTRAK Masyarakat etnik Kimaragang merupakan salah satu etnik dalam *Dusunnic* yang kaya dengan nilai budaya, adat dan tradisi. Warisan budaya yang diwarisi adalah bukti bahawa generasi terdahulu memiliki tahap kreativiti dan intelektual yang tinggi dalam setiap karya yang dihasilkan. Antara warisan budaya tersebut adalah seperti *Sabung Sinudaan* iaitu salah satu busana tradisional lelaki Kimaragang. Busana berkenaan telah menarik minat yang besar daripada para pereka fesyen tempatan Sabah dan diperagakan dalam bentuk tradisional atau kontemporari. Namun, adalah mengecewakan apabila pengamal budaya dalam etnik Kimaragang sendiri tidak menyedari ciri-ciri utama yang sepatutnya ada dalam *sabung sinudaan*. Pengetahuan masyarakat yang kurang terhadap elemen-elemen penting dalam reka bentuk, motif dan corak menyebabkan hasil karya yang tidak bernilai budaya. Fokus kajian ini adalah membincangkan berkaitan analisis awalan berkaitan dengan ciri-ciri reka bentuk, motif dan corak *Sabung sinudaan* yang bernilai budaya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan menggunakan kaedah temubual dan perbandingan koleksi busana peribadi lebih daripada 100 tahun milik keluarga Encik Molinka Buling dan Puan Ruminting Jelin. Diharapkan, kajian seumpama ini dapat memberikan data terbaharu, penjelasan dan pencerahan berkaitan dengan reka bentuk, motif dan corak *Sabung Sinudaan* masyarakat etnik Kimaragang di Sabah.

Kata Kunci: Kimaragang, *Sinudaan*, Tradisional, Kebudayaan, Sabah.

ABSTRACT: *The Kimaragang ethnic community is one of the Dusunnic ethnic groups rich in cultural values, customs, and traditions. The inherited cultural heritage serves as evidence that past generations possessed a high level of creativity and intellect in every piece of work they produced. Among these cultural legacies is the Sabung Sinudaan, a traditional male attire of the Kimaragang people. This attire has garnered significant interest from local fashion designers in Sabah and has been showcased in both traditional and contemporary forms. However, it is disappointing that cultural practitioners within the Kimaragang ethnic group themselves are often unaware of the key features that should be present in the Sabung Sinudaan. The community's lack of knowledge regarding essential elements in design, motifs, and patterns has resulted in creations that lack cultural value. This study focuses on a preliminary analysis of the design features, motifs, and patterns of the Sabung Sinudaan that hold cultural significance. Accordingly, this research employs interview methods and comparisons with private collections of over 100 years old, owned by Mr. Molinka Buling and Mrs. Ruminting Jelin. It is hoped that this study will provide updated data, explanations, and*

insights related to the design, motifs, and patterns of the Sabung Sinudaan attire of the Kimaragang ethnic community in Sabah.

Keywords: *Kimaragang, Sinudaan, Traditional, Cultural, Sabah.*

PENDAHULUAN

Warisan budaya, adat dan tradisi yang diwarisi oleh sesebuah masyarakat mencerminkan kearifan lokal masyarakat terdahulu yang telah bertamadun. Daya penaakulan dalam melakukan intepretasi terhadap objek persekitaran menunjukkan generasi terdahulu adalah masyarakat bijak pandai yang belajar secara langsung daripada alam persekitaran. Masyarakat tradisional etnik Kimaragang tidak terkecuali daripada mempelajari, mengolah dan mezhahirkan pemikiran mereka melalui karya seni dan tekstil. Hasil karya mereka telah menjadi tanda pengenalan sesuatu bangsa. Antara karya warisan budaya yang menjadi kayu ukur mengenali bangsa adalah melalui busana tradisional. Busana tradisional masyarakat etnik Kimaragang adalah seperti *sabung* (baju) *sinudaan* dan *sabung kinaling*, *lapoi* dan *sinudot* (Pangayan, 2014; 2016; Molinka, 2023) serta beberapa busana lain yang masih belum didokumentasi. *Sabung sinudaan* merujuk kepada pakaian tradisional yang dipakai oleh kaum lelaki yang sangat popular dalam kalangan etnik Kimaragang di daerah Pitas. Pakaian tersebut bukan sekadar busana, tetapi lambang identiti etnik Kimaragang yang biasanya dipakai dalam pelbagai perayaan seperti Kaamatan, majlis kesyukuran, perkahwinan, dan upacara adat.

Kebelakangan ini, penghasilan busana *sabung sinudaan* telah meluas dengan melahirkan ramai pengamal budaya dalam etnik Kimaragang sendiri serta turut menarik minat para pereka fesyen luar. Impaknya, kebanyakan busana yang dihasilkan tidak memiliki ciri-ciri penting *sabung sinudaan*. Perkara sedemikian memberikan dampak negatif jika tidak ada kesedaran mengekalkan busana tradisional yang bernilai budaya dan tradisi. Jika perkara sedemikian tidak dikawal, maka tidak mustahil kebudayaan masyarakat etnik Kimaragang akan terus terhakis dan lenyap tanpa disedari. Oleh yang demikian, pengetahuan berkaitan dengan ciri-ciri *sabung sinudaan* yang bercirikan budaya dan tradisi perlu diketahui oleh seluruh masyarakat etnik Kimaragang dan para pengamal budaya di Sabah. Hal ini penting dalam memastikan setiap hasil karya mereka memenuhi kriteria sebagai busana tradisional yang dikenali sebagai *sabung sinudaan*. Selain itu, setiap pemakai busana tradisional tersebut tidak mengalami kerugian ribuan ringgit akibat daripada memiliki *sabung sinudaan* yang tidak bercirikan budaya dan tradisi masyarakat etnik Kimaragang.

SOROTAN LITERATUR

Masyarakat etnik Kimaragang tergolong dalam *Dusun* dan populasinya tinggal di kawasan daerah Pitas dan Kota Marudu. Sejarah telah memisahkan etnik Kimaragang kepada dua kumpulan utama yang diketuai oleh Aki Pamansah dan Aki Tumunda mempunyai perbezaan sedikit dari segi loghat bahasa daerah namun masih berkongsi budaya, adat dan tradisi (Shim, 2007; Damilan, 2015; Kroger, 2015; Denis *et al.*, 2019; Lee *et al.*, 2022; Ginsari, 2022; Pangayan, 2016; Pugh-Kitingan, 2015). Kedua-dua kumpulan masyarakat etnik Kimaragang tersebut mempunyai perbezaan busana tradisional iaitu *lapoi* dan *sinudot* dipakai oleh etnik Kimaragang Kota Marudu- Tandek (Pangayan, 2016) dan *sabung kinaling* dan *sinudaan* merupakan busana tradisional masyarakat etnik Kimaragang di Pitas-Koromoko. Walau bagaimanapun, seluruh masyarakat etnik Kimaragang moden mengiktiraf kesemua busana tersebut sebagai pakaian tradisional yang dimiliki bersama tanpa mengira asal dan keturunan.

Kajian berkaitan dengan busana tradisi etnik Kimaragang adalah masih kurang dan para pengkaji lebih tertumpu meneliti busana tradisi masyarakat Lotud, Rungus, Murut dan Kadazan (Jusilin & Kindoyop, 2016; Yoon, 2018; Humin Juslin, Ismail Ibrahim & Teou, 2019; Ezura *et al.*, 2022). Perbincangan sepintas lalu berkaitan busana tradisional etnik Kimaragang telah dilakukan oleh Pangayan (2014; 2017) dan Molinka (2023) yang membuat kajian berkaitan dengan *sabung kinaling*. Maka, dengan adanya dokumentasi seumpama ini diharapkan memberikan informasi penting kepada seluruh masyarakat seterusnya menjadi rujukan para penyelidik dan sarjana.

METOD KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah temu bual dan perbandingan dekorasi busana. Kaedah temu bual dilakukan terhadap beberapa individu yang berpengalaman dan aktif sebagai pengamal budaya di Kg. Salimpodon Darat, Pitas. Antaranya adalah Odu Unun Buang (96 tahun), Odu Mooh Buang (93 tahun), Puan Ayunan Pangi (76 tahun), Puan Ruminting Jelin (67 tahun), Puan Julia Inotol (66 tahun), Molinka Buling (65 tahun), Kuiyin Miring (65 tahun), Makaul Inatul (64 tahun), Medal Injan (60 tahun), Jamaul Inatul (54 tahun), Puan Jurika Inotol (48 tahun) dan Puan Norlina Molinka (43 tahun). Selain terlibat sebagai penggiat kebudayaan, terdapat di antara mereka yang sangat berpengalaman dalam hutan belantara sebagai petani tradisional, pemburu dan pemungut hasil hutan serta pemotong kayu.

Perbandingan ragam hias dan motif melibatkan dua helai *sabung sinudaan* (terdapat beberapa *sabung sinudaan* yang tidak mendapat keizinan untuk didokumentasikan) iaitu Sinudaan 1 milik mendiang Aki Buling Lubayan (meninggal pada tahun 1971) kini dijaga oleh keluarga Encik Molinka Buling (65 tahun). Busana tersebut dipercayai berusia lebih kurang 100 tahun kerana diberikan oleh datuk (moyang kepada Encik Molinka) kepada Aki Buling. *Sinudaan 2* pula milik mendiang Aki Jelin Untung (meninggal akhir era 1980an) diwarisi oleh anak bongsu beliau, Puan Ruminting Jelin (67 tahun). *Sabung sinudaan* tersebut telah berusia antara 50 hingga 60 tahun merupakan hak milik Aki Jelin sendiri. Kedua-dua *sabung sinudaan* tersebut merupakan peninggalan sejarah yang sangat berharga dan perlu diketahui oleh seluruh masyarakat etnik Kimaragang. Dokumentasi perlu dilakukan supaya setiap anggota masyarakat dapat mengenali identiti bangsa sendiri. Kendati pun, kemungkinan besar masih terdapat beberapa pasang *sabung sinudaan* milik masyarakat etnik Kimaragang yang belum direkodkan untuk tatapan umum.

DAPATAN KAJIAN

Sabung sinudaan diperbuat daripada kain hitam seperti satin, kashibo dan kain kapas (Juliah Inotol, Temu bual 25 Julai 2022). Masyarakat etnik Kimaragang mempunyai kemahiran *moningkor* (membuat benang) dan *mangawol* (menenun) kain untuk dibuat pakaian tertentu (Pagayan, 2016; Juliah, Temu bual 25 Julai 2022). Bagaimana pun, masyarakat tradisional etnik Kimaragang menghasilkan *sabung sinudaan* dan *kinaling* menggunakan sejenis kain yang dikenali oleh masyarakat etnik Kimaragang sebagai kain *siyabun* iaitu sejenis kain kapas import dari negara China (Ruminting, Temu bual 17 April 2024). Busana tradisional seperti *sabung sinudaan* disulam dengan menggunakan tangan sepenuhnya agar hasil karya yang dihasilkan tidak kaku kerana setiap karya adalah bersifat individual disebabkan tidak menggunakan acuan atau mesin (Juliah, Temu bual 25 Julai 2022; Jurika, Temu bual 26 Julai 2022). Sifat individual tersebut memberikan keistimewaan dan keunikan kerana menimbulkan

perbezaan tidak ketara pada setiap corak seterusnya menyerlahkan aura pemakai (Norlina, Temu bual 27 Julai 2022).

Berdasarkan *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2* (Foto 1) kelihatan serupa namun masih memaparkan perbezaan dari segi bentuk setiap motif. Jenis kain yang digunakan adalah berbeza seperti ditenun pada *Sinudaan 1* dan kelihatan tebal. Bagaimanapun tidak dapat dipastikan kain yang digunakan adalah daripada kain *Siyabun* atau sebaliknya kerana kekangan data dan rujukan berkenaan jenis kain berkenaan. *Sinudaan 2* juga merupakan kain jenis tebal yang ditenun atau menggunakan mesin. Selain itu, *Sinudaan 1* telah pudar, sedikit koyak dan terdapat benang sulam yang telah tercabut di beberapa bahagian. Manakala *Sinudaan 2* masih cantik, utuh dan warna benang sulaman masih terang. Dari segi ragam hias, *Sinudaan 1* mempunyai corak yang banyak, tidak seimbang antara motif berpasangan dan kompleks berbanding *Sinudaan 2* yang setiap corak terletak cantik, seimbang dan kemas. Saiz *Sinudaan 2* adalah besar berbanding dengan *Sinudaan 1* kerana dipengaruhi oleh saiz badan pemilik busana berkenaan.



Foto 1: Koleksi *Sabung Sinudaan* Etnik Kimaragang
Sumber Gambar: Koleksi Penulis

Kedua-dua *sabung sinudaan* (*Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2*) tersebut semestinya mampu untuk menerangkan pola busana tradisional lelaki etnik Kimaragang iaitu *sabung sinudaan* seterusnya menggambarkan tata cara pemakaian busana tersebut secara tepat di samping sumber lisan dari golongan bijak pandai. Ketika memperagakan busana tradisional seharusnya

pemakai mengekalkan tata cara pemakaian seperti yang nenek moyang lakukan untuk menunjukkan identiti budaya. Tamsilnya, *sabung sinudaan* (Foto 2), busana tersebut dipakai dengan membiarkan bahagian dada terbuka tanpa butang. Pemakai diperbolehkan memakai baju dalam seperti kemeja-T, atau baju dalam tanpa lengan yang berwarna putih atau warna kulit jika kurang selesa memakai *sabung sinudaan* secara terdedah (Ruminting, Temu bual 17 April 2024). Kemudiannya, *sabung sinudaan* dipadankan dengan *soruai kampung* iaitu seluar berpotongan longgar yang mempunyai panjang hingga ke lutut atau buku lali (Juliah Inotol, Temu bual 25 Julai 2022). Walau bagaimanapun, dokumentasi *soruai kampung* yang diwarisi turun temurun belum pernah direkodkan, namun berdasarkan gambaran cerita lisan dan pengalaman generasi tua seluar berkenaan merupakan salah satu seluar harian lelaki masyarakat etnik Kimaragang.



Foto 2: Tatacara Pemakaian *Sabung Sinudaan* Tanpa Aksesori
Sumber Gambar: Koleksi penulis

Selain dipakai bersama *soruai kampung*, *sabung sinudaan* tidak lengkap tanpa *tagkos* dan *sigar*. *Tagkos* merupakan ikat pinggang yang turut berfungsi sebagai kemas pada pinggang pemakai. *Tagkos Sinabala* terdiri daripada beberapa padanan warna kain iaitu kuning, merah dan hijau atau merah, putih dan biru adalah *tagkos* yang sering digunakan oleh golongan pemimpin atau golongan elit. Manakala penggunaan kain biasa digunakan oleh golongan orang biasa (Juliah, Temu bual 25 Julai 2022; Jamaul, Temu bual 24 Februari 2023). Seterusnya, *sigar* iaitu kain berbentuk segi empat sama dilipat dan dililit pada bahagian kepala berperanan sebagai topi atau penutup kepala masyarakat tradisional entik Kimaragang. Terdapat beberapa jenis *sigar* yang masyarakat etnik Kimaragang miliki antaranya adalah *sigar tineyan* dan *sigar linontian* (Juliah, Temu bual 25 Julai 2022); Norlina, Temu bual 27 Julai 2022). Bagaimanapun, golongan orang biasa boleh menggunakan kain biasa untuk menutup kepala mereka.

Pemakaian aksesori tambahan seperti *golong* (gelang tangan), *lungkaki* (gelang kaki) tidak direkodkan kecuali *pondikos*, *gampa* (senjata seperti parang dan pedang) dan *tandus* atau *sopuk* (lembing) (Norlina, Temu bual, 27 Julai 2022; Jamaul, Temu bual 24 Februari 2023). *Pondikos* adalah azimat yang dipakai pada bahagian lengan dan tersembunyi di dalam

baju. *Pondikos* mempunyai dua jenis iaitu *pondikos* kain warna merah untuk kekuatan dan *pondikos* berwarna hitam adalah azimat perlindungan (Ruminting, Temu bual 17 April 2024). Oleh kerana majoriti masyarakat etnik Kimaragang telah beragama Kristian dan Islam, maka pemakaian azimat tidak lagi dipraktikkan pada masa kini. Senjata dan alat tajam tidak dipraktikkan lagi untuk tujuan keselamatan awam kecuali pada acara tertentu sahaja. Pemakaian aksesori tambahan seperti *tinggol ta'aki* (rantai manik batu merah) dan aksesori bersesuaian diperbolehkan semasa majlis perkahwinan atau majlis-majlis tertentu (Unun Buang, Temu bual 12 April 2024; Mooh Buang, Temu bual 12 April 2024). Walau bagaimanapun, pemakaian *sabung sinudaan* tradisional bermotif dan bercorak bukan untuk semua golongan lelaki etnik Kimaragang tetapi hanya diperagakan oleh golongan elit dan berstatus dalam masyarakat atau seorang *wowoyo'on* (orang rujukan atau pemimpin) (Ruminting, Temu bual 17 April 2024); Jamaul, Temu bual 24 Februari 2024). Golongan masyarakat biasa mempunyai pilihan untuk mengenakan pakaian lain selain *sabung sinudaan* yang bercorak.

PERBINCANGAN

Pembuatan busana tradisional Kimaragang seperti *sabung sinudaan* adalah ringkas kerana hanya menggunakan bentuk segi empat dan segi empat trapezium. Malahan, peralatan untuk memotong kain juga adalah menggunakan *pe'es* (pisau belati serbaguna) atau *pida* (pisau pemotong daging) (Ayunan Pangi, Temu bual 23 Julai 2022) kerana alat pemotong yang lebih moden sukar didapati. Kini, pemotongan kain dapat dilakukan dengan lebih mudah menggunakan gunting kain khas dan penggunaan mesin jahit untuk menyambungkan setiap helaian kain. Walaupun, terdapat penerapan beberapa peralatan moden dalam pembuatan busana tradisional namun ciri-ciri khas *sabung sinudaan* perlu dikekalkan agar busana yang dibuat adalah bernilai budaya.

Ciri-ciri Khas *Sabung Sinudaan*

Busana bernilai budaya merujuk kepada pakaian tradisional yang mengekalkan nilai tradisi iaitu sama seperti pakaian tradisional yang diwarisi turun temurun. *Sabung sinudaan* memiliki beberapa ciri-ciri khas yang unik dan perlu dikekalkan dalam setiap busana yang dihasilkan. Kesemua ciri khas tersebut terdapat pada *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2*. Walau bagaimanapun, perlu diketahui bahawa perbezaan dekorasi pada kedua-dua *sabung sinudaan* tersebut adalah bergantung kepada daya kreativiti pembuat, perbezaan zaman, lingkungan serta keadaan persekitaran semasa dihasilkan. Ciri-ciri *sabung sinudaan* yang telah dikenal pasti berdasarkan busana tradisional *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2* adalah seperti berikut:

1. Sisipan atau “*suda*”

Nama *sinudaan* berasal daripada kata dasar ‘*suda*’ yang bererti sisip atau tambahan dalam bahasa etnik Kimaragang. Perbuatan *monuda* (menyisipkan) merujuk kepada perbuatan memasukkan objek atau elemen tambahan di antara dua objek untuk memberikan kesan luas dan longgar yang biasanya dilakukan pada pakaian atau kraftangan. *Sabung* tradisional tersebut dikenali sebagai *sinudaan* kerana mempunyai *suda* iaitu merujuk kepada kekek (*gusset*) dan pesak (*gore*) atau istilah yang mudah difahami iaitu anak baju (Norlina, Temu bual 27 Julai 2022; Asliza Aris, 2015). Oleh itu, ciri khas yang pertama *sabung sinudaan* etnik Kimaragang adalah wajib mempunyai anak baju pada kedua-dua sisi busana.

2. Potongan Kain

Ciri khas kedua *sabung sinudaan* adalah terletak pada tata cara pemotongan kain busana. *Sabung sinudaan* mempunyai tiga bahagian utama (Foto 3) iaitu *koyuan*, *suda* dan *longon* (Norlina, Temu bual 27 Julai 2022).




Foto 3: Teknik pemotongan Kain dan bahagian utama Sabung Sinudaan
Sumber Gambar: Koleksi Penulis

Koyuan sabung sinduaan hanya menggunakan sehelai kain berbentuk segi empat tepat (*rectangle*) yang dilipat dua membentuk bahagian hadapan dan belakang baju tanpa sebarang jahitan pada bahagian bahu (Foto 4). Kemudiannya, kain pada bahagian hadapan baju ditebuk membentuk leher kolar bulat seterusnya bahagian tengah hadapan baju dipotong kepada dua bahagian secara menegak untuk memudahkan proses pemakaian. Pada bahagian anak baju, pesak berbentuk *trapezium* dibiarkan terbuka tidak dijahit sepenuhnya untuk memberikan keselesaan kepada pemakai. Reka bentuk lengan *sabung sinudaan* juga unik kerana terdapat sambungan kain pada bahagian pergelangan tangan yang sedikit ketat. Selain itu, ukuran panjang baju adalah lebih pendek berbanding panjang lengan iaitu berada di bahagian atas paras punggung pemakai atau pada paras tiga suku lengan pemakai.



Foto 4: Perincian pada bahagian bahu, lengan, badan dan suda *Sabung Sinudaan*
Sumber Gambar: Koleksi Penulis

3. Penggunaan *Lo'op* pada Hujung Kain

Ciri seterusnya adalah berkaitan dengan penggunaan *lo'op* atau penutup pada tepi kain di bahagian kolar leher, tangan, dada dan bawah baju. *Lo'op* atau penutup pada hujung kain berfungsi untuk melindungi hujung kain daripada terurai atau jahitan koyak. Pada masa yang sama penutup hujung kain tersebut juga berfungsi sebagai hiasan atau kemasan pada tepi kain. Kain *lo'op* pada *sabung sinudaan 1* adalah menggunakan kain berwarna merah (telah pudar) dan *Sinudaan 2* menggunakan kain perca bercorak bunga berwarna warni. Kini, *lo'op* telah diseragamkan menggunakan kain berwarna merah sebagai standard kemasan (Juliah, Temu bual 25 Julai 2022; Jurika, Temu bual 26 Julai 2022).

4. Motif dan Corak Khas

Selain ketiga-tiga ciri berkenaan motif juga memainkan peranan dan merupakan ciri penting dalam busana tradisional *sabung sinudaan* etnik Kimaragang. Motif yang dipilih adalah motif khas yang menunjukkan bahawa busana tersebut merupakan *sabung sinudaan*. Corak dan motif pada *sabung sinudaan* bukan saja memperindahkan pakaian tetapi turut menyampaikan simbolisme budaya yang menyampaikan makna tersurat dan tersirat (Safrizal Shahir, 2018) berkaitan aktiviti seharian, tindakan dan cara pemikiran bangsa. Berdasarkan kedua-dua *sabung sinudaan* iaitu *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2* kesemua motif khas tersebut diletakkan

pada tempat-tempat tertentu menunjukkan bahawa pemilihan setiap motif dan corak adalah secara khusus. Motif yang dipilih adalah terdapat dalam lautan dan daratan serta terdiri daripada beberapa jenis fauna dan flora. Antara motif dan corak fauna adalah *unduk-unduk*, *kambang kiapu*, *linimatok* manakala motif tumbuhan adalah seperti *tolutu*, *gosing*, *lingkong* dan *kulubung*.

Motif dan Corak Sabung Sinudaan

Meskipun masyarakat etnik Kimaragang terdedah kepada pelbagai objek di persekitaran mereka, tetapi tidak semua objek dijadikan sebagai simbol perlambangan budaya mereka (Kempers, 1988; Yoon, 2018). Objek-objek yang dipilih sebagai motif utama dalam busana tradisional khususnya *sabung sinudaan*, lebih cenderung kepada elemen alam yang memiliki makna mendalam dalam kehidupan seharian mereka. Keakraban masyarakat tradisional dengan alam semulajadi sehingga diterjemahkan objek flora dan fauna menjadi motif kebanggaan yang diwariskan kepada seluruh generasi etnik Kimaragang. Teknik pengolahan dan penyampaian setiap motif dan corak adalah menunjukkan penghargaan mereka terhadap unsur-unsur alam yang signifikan dalam kehidupan mereka. Antara motif berkenaan adalah seperti berikut :

A. Fauna

Terdapat beberapa fauna (Foto 5) yang dipilih menjadi hiasan *sabung sinudaan* seperti *unduk-unduk* (*Hippocampus sp.*) iaitu sejenis spesies ikan yang dikenali sebagai kuda laut sering ditemui di pesisir laut seperti di kawasan rumpai laut, kawasan bakau dan terumbu karang (Lourie et al., 2004; Jones, 2004; Choo & Liew, 2003; 2004; 2005). Kuda laut turut dikenali sebagai *sea monster* (Shapawi et al., 2015) memberikan kelebihan kepada haiwan tersebut dalam sesebuah masyarakat yang menghargainya. Sifat yang terdapat pada *unduk-unduk* menarik perhatian masyarakat yang terlibat sehingga diabadikan dalam lambang yang bermakna pada kehidupan. Antara sifat *unduk-unduk* adalah bersikap tenang ketika berenang dengan memaut pada rumpai laut untuk bertahan dalam mengharungi arus deras air laut. Selain itu, kuda laut jantan juga bersikap bertanggungjawab kerana mengeram telur selama empat minggu dan berpuasa selama tempoh tersebut (Lourie, et al. 2004; 2005; Shapawi, et al, 2015).

Sejak dahulu kala, kuda laut memiliki makna simbolik dalam pelbagai budaya antarabangsa terutamanya para pelaut dan pengembara yang menganggap haiwan berkenaan sebagai pelindung di lautan (Scales, 2009). Demikian juga dalam kebudayaan masyarakat etnik Kimaragang, *unduk-unduk* dipilih sebagai motif utama yang terletak pada bahagian atas dada *sabung sinudaan* iaitu bermula dari bahu hingga ke bahagian pinggang baju. Masyarakat etnik Kimaragang tradisional tertarik dengan sifat positif *unduk-unduk* dan dijadikan perlambangan kepada tanggungjawab besar seorang lelaki sebagai ketua keluarga yang harus siap berkorban dan tenang dalam menjalani kehidupan. Selain itu, pemilihan imej tersebut adalah sebagai simbol perlindungan atau deklarasi kebal daripada ilmu hitam (Scales, 2009). Pada *Sinudaan 1*, motif *unduk-unduk* dihasilkan secara berbeza pada kiri dan kanan dada baju. Manakala *unduk-unduk Sinudaan 2* pula dihasilkan secara seragam dari segi bentuk dan warna. Jika dibandingkan kedua-duanya, *unduk-unduk* pada *Sinudaan 1* adalah lebih kompleks dan lebih menarik berbanding dengan *unduk-unduk* pada *Sinudaan 2* yang lebih kemas dan teratur.



Unduk-unduk
(Kuda Laut)



Linimatok
(Pacat)



Kambang Kiapu
(Kupu-kupu)

Foto 5: Motif Fauna yang terdapat pada *Sabung Sinudaan*
Sumber Gambar: Diubah suai daripada Lourie *et al.* (2004) dan Dzuhilmi (2019)

Selain *unduk-unduk*, *linimatok* yang berasal daripada perkataan *limatok* iaitu pacat (*Haemadipsa sp.*) turut menjadi pilihan sebagai motif pada *sabung sinudaan*. Pacat adalah haiwan penghisap darah yang terdapat di dalam hutan tebal yang lembab dan di kawasan lembah yang berdekatan dengan kawasan yang mempunyai sumber air seperti sungai atau tasik. Biasanya haiwan tersebut bersifat pemangsa dan mempunyai pancaindera yang peka terhadap mangsa (Mangunjaya, 1985). Masyarakat antarabangsa pula mempunyai pandangan mitologi terhadap pacat atau lintah mengaitkannya dengan unsur mistik dan menyeramkan (Falih et al., 2019; Harry Tuazon et al., 2024). Bagaimana pun, masyarakat etnik Kimaragang tidak melihat sisi negatif haiwan berkenaan dengan menjadikannya sebagai motif budaya.

Pada *Sinudaan 1*, *linimatok* dihasilkan dalam dua versi iaitu versi besar bersesungut dan versi kedua pula adalah tidak bersesungut. Terdapat enam ekor *linimatok* iaitu tiga ekor di bahagian dada kanan dan tiga ekor di dada kiri. Manakala *Sinudaan 2* pula meletakkan enam ekor *linimatok* pada tengah dada iaitu pada bahagian belahan kain. Motif *linimatok* pada *Sinudaan 2* adalah lebih ringkas berbanding *linimatok Sinudaan 1*. Masyarakat etnik Kimaragang tetap memilih haiwan berkenaan sebagai motif budaya bukan kerana kisah horor dan mistik (Falih et al., 2019; Harry Tuazon et al., 2024) yang dikaitkan tetapi sebagai perlambangan bahawa masyarakat etnik Kimaragang mampu menundukkan atau menangani

perkara-perkara yang buruk berlaku. Selain itu, sifat pacat yang tangkas dan licik mencari peluang turut menginspirasi masyarakat tradisional etnik Kimaragang untuk sentiasa peka kepada keadaan semasa dan keadaan persekitaran sehingga menjadi lambang budaya. Pacat yang suka menghisap darah manusia memberikan peringatan tentang sikap berhati-hati dan menghormati alam agar sentiasa berwaspada ketika dalam hutan.

Fauna ketiga yang menjadi motif pada *sabung sinudaan* adalah *kambang kiapu* iaitu sejenis kupu-kupu (*lepidoptera sp.*). Biasanya, kupu-kupu sering dijadikan sebagai kayu ukur diversiti alam sesuatu kawasan berada dalam lingkungan yang baik atau sebaliknya berdasarkan kepelbagaian spesies. Kedatangan spesies kupu-kupu dipengaruhi oleh spesies tumbuh-tumbuhan yang hidup di sesuatu kawasan (Dzulhemi Nasir, 2019). Kitaran hidup serangga tersebut iaitu bermula daripada telur, beluncas (*larva*) dan kepompong (*pupa*) sebelum menjadi kupu-kupu dengan kepak berwarna terang dan menarik (Liivamagi et al., 2014) menginspirasi masyarakat tradisional dalam menjalani setiap cabaran atau fasa kehidupan. Masyarakat antarabangsa menjadikan kupu-kupu sebagai perlambangan terhadap pengharapan, kesabaran, transformasi dan pembaharuan, keindahan serta kebebasan. Selain itu, kupu-kupu juga sering dilambangkan sebagai tanda peringatan semangat roh nenek moyang sentiasa bersama-sama dan memberkati kehidupan mereka yang masih hidup (Horner-Devine et al., 2003).

Motif *kambang Kiapu* atau *kolibambang* pada *sabung sinudaan* terletak pada bahagian belakang baju tradisional berkenaan. Perbezaan *kambang kiapu* pada kedua-dua *sabung sinudaan* iaitu *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2* tidak ketara dan dihasilkan dengan mengekalkan ciri yang sama iaitu mempunyai sesungut, kepak, kepala dan perut. Kemudiannya, dihiasi dengan motif seperti bunga dan lingkaran motif spiral. Kehidupan kupu-kupu yang mengalami fasa perubahan yang ketara sepanjang kehidupannya menunjukkan kecekalan dan kesabaran dalam pengharapan dan kupu-kupu tetap menikmati kehidupan dengan bebas menjadikan masyarakat etnik Kimaragang memilihnya sebagai motif budaya. Masyarakat etnik Kimaragang percaya bahawa setiap kesusahan itu pasti berubah menjadi kesenangan pada masa hadapan (Molinka, Temu bual 19 April 2024; Juliah, Temu bual 25 Julai 2022). Di samping itu, kehadiran motif kupu-kupu pada busana tradisional turut menggambarkan bahawa masyarakat tradisional etnik Kimaragang hidup dalam suasana alam yang cantik menghijau dan keseimbangan ekosistem yang optimum.

B. Flora

Selain fauna, terdapat beberapa tumbuhan yang dipilih sebagai motif dalam busana etnik Kimaragang. Pada *sabung sinudaan* iaitu *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2*, motif dan corak adalah berinspirasi tumbuhan dalam hutan tebal dan belukar seperti *tolutu*, *gosing*, *lingkong* dan *kulubung* (Foto 6). *Tolutu* (*Scaphium sp.*) merupakan sejenis pokok kayu balak di kawasan hutan hujan tropika seperti di Sabah. Kayu balak yang dihasilkan biasanya digunakan untuk pelbagai jenis perabot dan juga digunakan untuk membuat rumah (Medal, Temu bual 21 September 2024; Molinka, Temu bual 19 April 2024). Tumbuhan tersebut turut dikenali sebagai *malva nut tree* atau *kambang somangkuk* (salah satu jenis *tolutu* dalam Bahasa Kimaragang) kerana buahnya boleh dijadikan ubat penawar untuk sakit bergejala ringan seperti demam panas dan batuk serta sering dijadikan bahan dalam minuman (A. Susilowati et al., 2020). Pemilihan motif bunga dan buah pokok tersebut dalam pelbagai variasi iaitu semasa pokok balak tersebut melalui musim berbunga, berbuah dan musim buah gugur (Makaul, Temu bual 21 September 2024; Medal, Temu bual 21 September 2024; A. Susilowati et al., 2020).




Foto 6: Motif Flora yang terdapat pada *Sabung Sinudaan*

Sumber Gambar: Diubah suai daripada Jabatan Penerangan Malaysia dan Yusuf (2021).

Motif *tolutu* terdapat pada kedua-dua *sabung sinudaan* tersebut iaitu pada bahagian dada baju dan pada bahagian tangan *Sinudaan 1*. Manakala *Sinudaan 2* pula terletak pada bahagian dada. Motif tersebut diambil daripada bunga, buah pada musim gugur dan daun pokok berkenaan. Lelaki etnik Kimaragang dikaitkan dengan pokok *tolutu* adalah kerana pokok tersebut menyerlahkan sifat maskulin pemakai *sabung sinudaan*. Kedudukan motif tersebut yang terletak pada bahagian tangan, dada dan belakang busana memberikan gambaran bahawa pemakai adalah seorang yang gagah dan berani meredah hutan tebal tanpa peduli kepada pacat atau haiwan berbisa di tengah belantara. Selain itu, motif tersebut juga menggambarkan situasi sosial dalam masyarakat tradisional kerana buah *tolutu* dijadikan bahan permainan yang menyeronokkan dan mampu merapatkan jurang sosial masyarakat tradisional (Makaul, Temu bual 21 September 2024).

Seterusnya, tumbuhan renek bercabang dan mempunyai daun bertekstur kasar serta berbulu halus iaitu pokok *gosing* atau pokok *senduduk* (*Melastoma sp*), menjadi pilihan. Biasanya, tumbuhan ini tumbuh meliar di tepi-tepi jalan, tanah lapang, kawasan terbiar dan belukar. Pokok *Senduduk* mempunyai bunga yang cantik dan banyak digunakan dalam

perubatan tradisional (Sayuti, 2019) seperti ubat mencegah parut luka, sakit gigi dan melegakan kembung perut (Yusuf, 2021). Pengolahan dekorasi tumbuhan tersebut adalah dalam pelbagai teknik iaitu menggunakan kelopak bunga dari pelbagai sudut seperti kuntum bunga, kudup bunga dan buah senduduk. Kedudukan motif tersebut adalah pada dada dan tangan *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2*. Faktor pemilihan tumbuhan berkenaan menjadi lambang budaya adalah disebabkan kecantikan dan keindahan bunga gosing yang banyak tumbuh meliar di sekeliling mereka.

Selanjutnya, *lingkong* (*lygodium microphyllum* R. Br. atau pokok pakis ribu-ribu) merupakan sejenis paku pakis yang mudah dijumpai dan tumbuh merambat pepohon yang lain yang terdedah kepada matahari. Batang pokok ribu-ribu digunakan dalam membuat kraftangan seperti *pata'an* (alat sikutan seperti *wakid*), beg dan bekas penyimpanan (Hafiza Ismail, 2013). Motif paku pakis tersebut didapati berperanan sebagai motif tambahan yang sering ditemui bersama-sama dengan motif pokok senduduk. Manakala *kulubung* atau dikenali sebagai *carpet grass* (*Axonopus compressus* / *paspalum conjugatum*) tumbuh di kawasan lapang dan sering menjadi makanan haiwan seperti lembu, kerbau dan kambing berperanan sebagai penutup bumi serta penting dalam mengekalkan kelembapan tanah (Chin, 2013). Motif *Kulubung* merujuk kepada motif berbentuk segitiga ditemui pada bahagian leher, hujung lengan dan hujung busana tradisional sering digunakan sebagai hiasan tepi kain seolah-olah menjadi alas (*carpet*) atau lantai yang menutupi seluruh motif dan corak yang terdapat pada *sabung sinudaan* tersebut.

Uniknya, dekorasi pada bahagian tangan baju *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2* terhasil daripada gabungan motif bunga *gosing*, *lingkong* dan *kulubung* (Foto 7 dan Foto 8). Jika dilihat secara teliti pada *Sinudaan 1*, gabungan motif ketiga-tiga tumbuhan tersebut disulam secara berselerak seperti menggambarkan hutan belukar yang terdapat pada persekitaran mereka pada masa itu. *Sinudaan 2* memilih ragam hias secara tersusun dengan rapi kerana dipengaruhi oleh keadaan persekitaran yang sudah moden tetapi masih mengekalkan gabungan elemen motif yang sama. Motif belukar pada pergelangan tangan dikaitkan dengan fungsi tangan untuk bekerja seperti menebas, membersihkan hutan untuk pertanian demi kelangsungan kehidupan. *Sinudaan 1* menambah motif *tolutu* pada pergelangan tangan mengukuhkan lagi interpretasi bahawa masyarakat etnik Kimaragang pada masa itu hidup dalam alam flora yang masih tebal dan menghijau.

Berdasarkan perbincangan motif pada *sabung sinudaan* menunjukkan bahawa seorang lelaki etnik Kimaragang adalah seorang yang kuat, berani serta berpengetahuan luas tentang laut dan daratan sehingga ke dalam kawasan hutan tebal. Masyarakat tradisional memahami bahawa kawasan laut kaya dengan sumber makanan seperti ikan dan kerang, manakala di dalam hutan tebal pula mereka mendapatkan makanan seperti daging buruan (rusa, kijang dan babi hutan), padi, sayur-sayuran dan sumber ubat-ubatan (Juliah, Temu bual 25 Julai 2022; Kuiyin, Temu bual 13 Mei 2023; Makaul, Temu bual 21 September 2024).

Walau bagaimanapun, motif yang dominan yang terdapat pada *sabung sinudaan* adalah dari kawasan daratan iaitu terdiri daripada *linimatok*, *kambang kiapu*, *tolutu*, *gosing*, *lingkong* dan *kulubung* menunjukkan masyarakat etnik Kimaragang adalah masyarakat yang tinggal menetap di kawasan daratan seperti kawasan kaki bukit (Pugh Kitingan, 2015) dan tidak terlalu jauh dari laut. Pendek kata, setiap motif yang tertera pada *sabung sinudaan* merupakan pengalaman kehidupan dan gambaran aktiviti seharian masyarakat tradisional etnik Kimaragang. Sehingga kini, sebahagian masyarakat etnik Kimaragang masih mengamalkan kehidupan sebagai nelayan tepi pantai dan sebagai petani.

- Wusak do Gosing*
1. (Bunga Senduduk)
Lingkong
2. (Pokok Ribu-ribu)
3. *Kulubung*
 (Rumput)
4. *Tolutu*
 (Kembang Semangkuk)



Foto 7: Corak Hutan Belukar Pada Lengan *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2*
 Sumber Gambar: Koleksi Penulis



Foto 8: Pokok *gosing*, *lingkong* dan *kulubung* yang Digambarkan pada Tangan *Sabung Sinudaan*

Sumber Gambar: Koleksi Penulis

Kekangan Kajian Kebudayaan Etnik Kimaragang

Kajian mengenai pakaian tradisional masyarakat etnik Kimaragang menghadapi cabaran besar kerana amalan menanam barangan peribadi bersama si mati (Ayunan, Temu bual 23 Julai 2022). Amalan tersebut menyebabkan generasi penerusi kekurangan rujukan berkaitan budaya dan adat resam bangsa sendiri. Natiujahnya, masyarakat etnik Kimaragang agak ketinggalan dalam bidang kebudayaan berbanding dengan masyarakat lain. Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa buah keluarga yang berjaya menyimpan objek budaya nenek moyang mereka namun bersikap tertutup untuk mengongsikan harta peninggalan tersebut kepada orang lain. Perkara tersebut merupakan satu kerugian besar kerana objek budaya tersebut tidak dapat didokumentasikan dengan segera sebelum mengalami kerosakan yang lebih teruk. Jika objek budaya berkenaan berjaya didokumentasi, walaupun artifak budaya berkenaan telah mengalami kerosakan yang teruk, namun maklumat berkaitan budaya berjaya diselamatkan. Tambahan pula, golongan generasi tua yang memahami dan mampu menceritakan suasana kehidupan berkenaan aktiviti kehidupan, adat dan istiadat, sosial masyarakat semakin kurang kerana faktor umur dan kesihatan. Kenyataan tersebut membuatkan keadaan semakin kritikal kerana kekurangan rujukan lisan yang sah.

Kajian artikel ini juga mempunyai limitasi kajian kerana hanya melibatkan dua buah *sabung sinudaan* sahaja yang dimiliki oleh ahli masyarakat etnik Kimaragang. Terdapat beberapa sabung lain namun pewaris busana berkenaan tidak membenarkan dokumentasi dijalankan kerana dikhuatiri merosakkan busana berkenaan. Kajian lebih lanjut perlu dilakukan dan penglibatan lebih banyak *sabung sinudaan* yang dimiliki oleh masyarakat etnik Kimaragang perlu didokumentasikan agar nilai budaya tidak lenyap begitu sahaja.

KESIMPULAN

Intihannya, *sabung sinudaan* merupakan busana turun temurun dalam masyarakat etnik Kimaragang yang terhasil daripada keakraban masyarakat tradisional dengan alam semulajadi. Antara *Sinudaan 1* dan *Sinudaan 2*, *Sinudaan 1* adalah lebih berusia berdasarkan kepada jenis kain, benang sulam, warna benang dan dekorasi yang ditampilkan. Pemakaian busana berkenaan adalah sederhana tetapi tetap elegan dan menonjolkan keunikan tradisi yang dimiliki oleh bangsa etnik Kimaragang. Hal ini demikian kerana busana tradisional tersebut memberi gambaran terhadap kehidupan, kepercayaan dan daya pemikiran masyarakat pada masa lalu. Oleh yang demikian, generasi muda etnik Kimaragang harus mempertahankan ciri-ciri reka bentuk busana bernilai tradisi iaitu mengekalkan ciri-ciri *sabung sinudaan* yang lama. Penyelidikan dan dokumentasi perlu dilakukan lebih terperinci berdasarkan bukti. Memartabatkan budaya bangsa etnik Kimaragang adalah tanggungjawab seluruh masyarakat tanpa mengira lapisan masyarakat kerana budaya adalah jiwa bangsa.

RUJUKAN

- Asliza, A. (2015). Refleksi Islam dalam Pakaian Tradisional Melayu: Baju Kurung. *Prosiding ICOMHAC 2015, 16-17 Disember 2015, Pulau Langkawi*, 306-317.
- Azam, E. & Bukhari, Nur & Samsudin, Nurul. (2022). Terminografi Busana Kadazan Penampang. *Jurnal Pengajian Malaysia*. 33 (2),10
<https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol33no2.10>
- Chin, S. W. (2013). *Visual Symptoms of Nutrient Deficiency in Axonopus compressus* (Cow Grass), Centre for Urban Greenery & Ecology, National Parks Board.
- Choo, C. K., & Liew H. C. (2003). Spatial distribution, substrate assemblages and size composition of sea horses (Family Syngnathidae) in the coastal waters of Peninsular

- Malaysia. *Journal of the Marine Biological Association of the United Kingdom* 83(2), 271–276.
- Choo, C. K., & Liew H. C. (2004). A record of seahorse species (Family Syngnathidae) in East Malaysia, with notes on their conservation. *Malayan Nature Journal* 56(4), 409–420.
- Choo, C. K., & Liew H. C. (2005). Exploitation and trade in seahorses in Peninsular Malaysia. *Malayan Nature Journal* 57(1), 57–66.
- Damilan, M. (2018). Aki Tumunda: Tokoh Masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu dari sudut Sejarah Lisan. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1, 1-10.
- Denis, J. Sading & Siti Aminah Roslan. (2019). *Iventori Budaya Etnik Sabah: Etnik Kimaragang*. Lembaga Kebudayaan Sabah.
- Dzulhelmi, N. (2019). Kupu-kupu dan Rama-rama: Biopenunjuk Alam. *Dewan Kosmik*, 18–20.
- Forth, G., & Hoskin, J. (1998). Headhunting and the Social Imagination in Southeast Asia. *Anthropologica*, 40(1), 135.
- Falih, Nebrass & Naji, Zaid & Alsalihi, Maan. (2019). Leeches Review: Biology, Ecology and Medical Important. *Indian Journal of Public Health Research & Development*. 10. 2586. <https://doi.org/10.5958/0976-5506.2019.03254.6>.
- Ginsari, S. (2022). *Sejarah Migrasi Dusun di Sabah*, Institut Perguruan Kampus Kent: Tuaran, Sabah.
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. (n.d). Senduduk. Retrieved February 20, 2025, from <https://www.forestry.gov.my/my/tumbuhan-ubatan/item/senduduk>
- Kroger, P. (2005) Kimaragang. Dalam A. Adelaar & N. Himmelmann (Peny.), *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*, (hlm. 397- 428). Routledge.
- Kempers, B.A. (1988). *The Kettledrums of Southeast Asia: A Bronze Age World and its Aftermath*. A.A Balkema, Rotterdam and Brookfields.
- Liivamägi, A., & Kuusemets, Valdo & Kaart, Tanel & Luig, Jaan & Diaz Forero, Isabel. (2014). Influence of habitat and landscape on butterfly diversity of semi-natural meadows within forest-dominated landscapes. *Journal of Insect Conservation*. 18. <https://doi.org/10.1007/s10841-014-9724-7>
- Lourie, S. A., Foster, S. J., Cooper, E. W., and Vincent, A. C. (2004). *A Guide to the Identification of Seahorses*. Washington: University of British Columbia and World Wildlife Fund.
- Lourie, S. A., Green, D. M., and Vincent, A. C. J. (2005). Dispersal, habitat differences, and comparative phylogeography of Southeast Asian seahorses (Syngnathidae: Hippocampus). *Molecular Ecology*, 14(4), 1073-1094
- Jones, A.G. (2004). *Male pregnancy and the formation of seahorse species Male pregnancy and the formation*. 51.
- Jusilin, H., & Kindoyop, S. (2015). Reka bentuk dan hiasan linangkit pada pakaian tradisional Dusun Lotud di Tuaran. *Jurnal Gendang Alam*. 5, 39-61.
- Maun, M., & Uqbah Iqbal, (2016). The History of Dusun Kimaragang Tribe. *Intellectual Property Rights*: Open access, 4: 158.
- Mangunjaya, F. M. (1985). Mengenal Pacet (*Haemadipsa sylvestris* Blanchard), dan Kemungkinannya untuk Pengobatan. *Ilmu dan Budaya* , VII: (3), 178-187.
- Molinka, N. N. (2023). Warisan Budaya Kimaragang: Ragam Hias Kinaling. *Jurnal Kinabalu*, 29, 302-318.
- Ismail, N. H. (2013). Budaya dan Tradisi Seni Anyaman Melayu. *Prosiding Seminar Penyelidikan, Pemikiran dan Kepimpinan Melayu 2013*, UiTM. 91-97.

- Shim, S. (2007). *Inland People of Sabah: Before, During and After Nunuk Ragang*, Borneo Cultural Heritage Publisher.
- Sayuti, K., Andhika, D., & Novita, O. (2019). The effect of the addition of “senduduk” leaves (*Melastoma malabathricum*) on the characteristics of crackers. *International Journal on Advanced Science, Engineering and Information Technology*, 9(5), 1676. <https://doi.org/10.18517/ijaseit.9.5.10247>
- Shapawi, R & Adrian, A., & Syed Hussein, M. A. & Zuldin, W. H. (2015). Species and Size Composition of Seahorses (Genus *Hippocampus*, Family *Syngnathidae*) in the Coastal Waters and Local Market of Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. *Tropical life sciences research*. 26, 1-13.
- Safrizal, S. (2018). *Sebagai Satu Sistem: Esei-Esei Terpilih Ismail Zain*. Kuala Lumpur: Balai Seni Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.48.
- Susilowati, A., & Elfiati, D., Batu, S., Rachmat, H & Ginting, I. (2020). Leaf Morphology and Ontogeny Kembang Semangkok (*Scaphium Macropodum*) From Gunung Leuser National Park (TNGL)-North Sumatra. *Journal of Physics: Conference Series*. 1542. 012022. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1542/1/012022>
- Scales, H. (2009). Poseidon's Steed. *The Story of Seahorses, from Myth to Reality*. New York:Gotham Books.
- Pangayan, V., A.S Hardy Shafii, & L.K On. (2018). Meanings and Symbols in The Decorative Motifs and Patterns of Sinudot and Lapoi of the Kimaragang's Costume. *Proceeding of 3rd International Conference on Creative Media, Design and Technology (REKA 2018)*, 44-49.
- Pangayan. V. (2016). Kostum Tradisional Dusun Kimaragang Di Sabah: Analisis Unsur Perubahan dan Kearifan Tempatan. *Proceeding of 6th Conferencie On Local Knowledge 2016 (ICLK)*, 242-246.
- Pugh-Kitingan. J. (2015). Cultural and Religious Diversity in Sabah and Relationship with Surrounding Areas. *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia*, (pp. 269-294).
- Yoon, P. L., (2018). Ciri Estetika dalam reka bentuk dan motif pakaian tradisional golongan perempuan etnik Rungus di Kudat: Shape And Motif In The Traditional Female Rungus Costume Of kudat. *Jurnal Gendang Alam*, 8, 69-84.
- Yusuf, Y. M. (2021). Manfaat Senduduk dalam Perubatan Tradisional. Dewan Kosmik.
- Tuazon H, David S, Ma K, Bhamla M, S. (2024). Leeches Predate on Fast-Escaping and Entangling Blackworms by Spiral Entombment. *bioRxiv: The preprint server for biology*. <https://doi.org/10.1101/2024.05.14.594257>

TEMU BUAL

Nama Informan	Peranan	Tarikh Temu bual
Ayunan Pangi (76 tahun)	Bekas penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kg. Salimpodon Darat,Pitas	23 Julai 2022
Juliah Inotol (66 tahun)	Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kg. Salimpodon Darat, Pitas,	25 Julai 2022
Jurika Inotol (48 tahun)	Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kg. Salimpodon Darat, Pitas	26 Julai 2022
Jamaul Inotol (54 tahun)	Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Kimaragang Sabah (PKS) dan pemimpin di Kg.Salimpodon Darat	13 Mei 2023
Kuiyin Miring (65 tahun)	Penggiat seni dan pemukul kulintangan/gong, Kg. Sinanggip	24 Februari 2024
Medal Injan	Penggiat seni dan kebudayaan sebagai pemukul	21 September 2024

(59 tahun)	gong dan seorang petani, Kg, Kambau Pitas.	
Makaul Inotol, (60 tahun)	Petani dan bijak pandai dalam hutan tebal, Kg. Salimpodon Darat, Pitas.	21 September 2024
Molinka Buling (65 tahun)	Pewaris busana Aki Buling dan bekas petani, Kg. Salimpodon Darat Pitas.	19 April 2024
Norlina Molinka, (43 tahun)	Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kg. Salimpodon Darat, Pitas.	27 Julai 2022
Odu Momoooh Buang (93 tahun)	Bekas Bobolian dan bidan kampung sejak 1940an di Kg.Mempakad-Salimpodon, Pitas.	12 April 2024
Odu Unun Buang (96 tahun)	Bekas Bobolian dan bidan kampung sejak 1940an di Mempakad - Salimpodon, Pitas.	12 April 2024.
Ruminting Jelin, (67 tahun)	Pewaris busana Aki Jelin, Kg. Sinogindai Pitas.	17 April 2024